

# Pandangan Vecchiotti sempit

J.M. = 4 JUN 1993

## Ⓟ Mahathir

KUALA LUMPUR 3 Jun — Dato' ~~Sri Dr. Mahathir Mohamad~~ berkata, ~~kenya-  
taan~~ Pengarah Urusan Otis, Andrea Vecchiotti yang mendakwa Pulau Pinang dipilih untuk tujuan pelaburan kerana negeri itu 'lebih Cina', adalah satu pandangan yang sempit.

Beliau berkata, para pelabur tidak hanya memilih Pulau Pinang sahaja sebaliknya turut memilih negeri lain.

"Kalau faktor itu diambil kira, dia boleh pergi ke Negeri China kerana negeri itu lebih ramai Cina," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Islam dan Keadilan anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas tulisan Dari Meja Ketua Pengarang Utusan kelmari yang memetik kandungan rencana keluaran *The Economist*, 22 Mei lalu.

*The Economist* telah menyiarkan temuramah dengan Pengarah Urusan Syarikat Otis, Andrea yang mengatakan syarikatnya memilih untuk membina loji berharga AS60 juta di Pulau Pinang dan bukannya Kuala Lumpur atau negeri lain kerana Pulau Pinang 'lebih Cina'.

### Mendakwa

Selain itu, Andrea juga mendakwa Pulau Pinang dipilih kerana kebolehan penduduk pulau itu tidak jauh bezanya dengan Singapura di mana kedua-dua pulau itu menurut laporan tersebut mempunyai ramai penduduk Cina yang terpelajar.

"Sebab utama Otis berpindah ke Pulau Pinang dan tidak Kuala Lumpur kerana Pulau Pinang lebih Cina," kata Andrea dalam *The Economist*.

Menurut Dr. Mahathir, Pengarah Urusan Syarikat Otis itu berhak untuk mengatakan apa sahaja tetapi kenyataannya, masih ramai pelabur asing telah membuat pelaburan di tempat dan negeri yang penduduknya bukan majoriti kaum Cina.

"Sudah berapa banyak pelabur lain melabur di tempat lain di Malaysia, di kawasan yang majoriti penduduknya bukan kaum Cina," tegasnya.